

20/02/2003

Khidmat percuma ke Stadium Bukit Jalil

PUTRAJAYA: KTM-Komuter, Perkhidmatan Sistem Aliran Ringan Sdn Bhd (LRT-Star) dan Projek Usahasama Transit Ringan Automatik (LRT-Putra) menyediakan perkhidmatan percuma sempena Kempen Perikatan Keamanan Rakyat

Malaysia (Aman Malaysia), di Stadium Bukit Jalil, pada 23 Februari ini.

Perkhidmatan percuma itu disediakan mulai jam 1 tengah hari hingga 8 malam dan jam 10 malam hingga 3 pagi.

Perkhidmatan percuma bagi LRT-Star disediakan bagi semua perhentian bermula dari stesen di Kelana Jaya sehingga ke Bukit Jalil manakala bagi LRT-Putra bermula dari stesen Masjid Jamek ke Bukit Jalil.

Orang ramai yang datang dari arah Rawang dan Pelabuhan Klang, perkhidmatan Komuter percuma akan disediakan bermula dari Bank Negara ke Bukit Jalil manakala dari arah Seremban dan Kajang, perkhidmatan percuma bermula dari stesen Bandar Tasik Selatan ke Bukit Jalil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Datuk Donald Lim Siang Chai, berkata perkhidmatan percuma itu adalah untuk menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas.

Katanya, dianggarkan kira-kira 100,000 akan menggunakan perkhidmatan LRT

dan ia sekali gus diharap mampu mengurangkan masalah kesesakan di situ.

"Dianggarkan 200,000 akan menghadiri perhimpunan Aman Malaysia yang turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menerima memorandum sejuta tandatangan rakyat Malaysia sebagai membantah niat jahat Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq," katanya pada sidang akhbar di sini, semalam.